



## Keganasan Rumah Tangga dan Keluarga

### Di Australia, keganasan rumah tangga dan keluarga tidak diterima sama sekali.

Keganasan rumah tangga dan keluarga adalah jenayah yang menyalahi undang-undang.

Seseorang yang melakukan jenayah ini boleh dijatuhkan hukuman penjara, tidak kira sama ada mereka lelaki mahupun wanita.

Sekiranya anda atau anda mengenali sesiapa yang berada dalam bahaya, hubungi pihak polis di talian **000**.  
*Pihak Polis di Australia adalah selamat dan boleh dipercayai.*

Untuk mendapatkan maklumat dan kaunseling sulit secara percuma, hubungi 1800 RESPECT di talian  
**1800 737 732**.

Jika anda memerlukan khidmat penterjemah secara percuma, sila hubungi **131 450**.

### Kerajaan Australia (*Australian Government*) tidak akan bertolak ansur terhadap keganasan rumah tangga dan keluarga dalam apa jua keadaan.

Keganasan rumah tangga dan keluarga merangkumi tingkah laku atau ancaman yang bertujuan mengawal pasangan lelaki atau perempuan dengan menimbulkan rasa takut atau mengancam keselamatan mereka. Keganasan rumah tangga dan keluarga boleh merangkumi:

- memukul;
- mencekik;
- menafikan nafkah yang diperlukan kepada pasangan atau keluarga;
- mengasingkan pasangan daripada kawan dan keluarga;
- menghina atau sentiasa mengkritik pasangan; dan
- mengancam kanak-kanak atau haiwan kesayangan.

### Wanita mempunyai hak yang sama seperti lelaki.

Undang-undang negara Australia melayan kaum wanita dan lelaki secara saksama.

Semua orang berhak hidup bebas daripada keganasan, dalam perhubungan dan komuniti yang gembira.

Wanita tidak perlu menerima layanan yang buruk atau terdedah kepada bahaya.

### Di Australia terdapat perkhidmatan peka budaya yang dapat membantu.

**1800 RESPECT** ialah perkhidmatan Kaunseling bagi Serangan Seksual dan Keganasan Keluarga dan Rumah Tangga Kebangsaan Australia (*Australia's National Sexual Assault, Family and Domestic Violence Counselling service*). Ia menyediakan maklumat dan kaunseling sulit, secara percuma melalui telefon dan juga dalam talian. Kaunselor akan mendengar masalah anda, menjawab soalan dan boleh merujuk anda kepada perkhidmatan sokongan di kawasan tempatan anda.

Hubungi talian **1800 737 732** atau kunjungi laman web 1800 RESPECT [www.1800RESPECT.org.au](http://www.1800RESPECT.org.au).

### Adakah anda memerlukan khidmat seorang jurubahasa?

Hubungi **Perkhidmatan Penterjemahan dan Jurubahasa (*Translating and Interpreting Service - TIS*)** secara percuma di **131 450**. TIS dapat membantu anda berkomunikasi dengan perkhidmatan-perkhidmatan lain. TIS tidak menyediakan perkhidmatan kaunseling.